

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN SEMINAR ANTARABANGSA MENGENAI PERPADUAN UMMAH

TEMPAT: PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 28 SEP 1987

MASA:

Bismillahir rahmanir rahim.
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Yang Berhormat Datuk Dr. Yusof Noor,
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala
kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat kita
berkumpul di Seminar yang bermakna ini untuk mencari jalan
ke arah perpaduan ummah. Terlebih dahulu saya mengucapkan
selamat datang ke Malaysia kepada semua peserta luar negeri
yang menghadiri Seminar ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Soal perpaduan ummah merupakan soal pokok yang amat penting sekali bagi masa hadapan dan survival masyarakat Islam. Ianya juga merupakan ikatan dan nadi kekuatan ummah. Ada segolongan orang yang berfikir dan menganggap bahawa soal perpaduan ini tidak begitu penting. Pada tanggapan mereka, soal perpecahan ummah adalah lumrah alam. Ada setengahnya pula yang sengaja menimbulkan isu-isu tertentu, walaupun mereka tahu ia akan membawa kepada perpecahan umat. Yang diutamakan oleh mereka ini ialah populariti dan sanjungan oleh satu-satu golongan. Tindakan mereka itu amat jelas terkeluar dan lari daripada prinsip-prinsip pokok dan ajaran Islam yang menyuruh kita bersatupadu dan melarang berpecah-belah.

3. Al-Quran sentiasa menyuruh orang-orang yang beriman supaya bersatupadu dan bersaudara serta melarang dari bermusuhan-musuhan dan berpecah-belah. Gesaan Al-Quran ini adalah kerana kesan dan akibat dari perpecahan itu akan menjadikan kita umat yang lemah dan mudah digugat serta diperhinakan oleh orang lain.

4. Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa kecemerlangan yang telah dicapai oleh umat Islam di zaman Baginda Rasullullah S.A.W. dahulu adalah disebabkan mereka bersatu dan tidak berpecah-belah. Perpaduan umat Islam ketika itu jelas kelihatan melalui sambutan dan pengorbanan yang telah diberikan oleh golongan Ansar di Madinah kepada orang-orang Muhajirin yang berhijrah ke kota itu. Perpaduan yang berteraskan pengorbanan, takwa dan iman inilah yang

melahirkan suatu umat yang kuat dan teguh, yang dapat membangun dan memperluas agama dan negara Islam ketika itu, serta dapat memberi sumbangan yang besar kepada tamadun manusia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Ada juga setengah-setengah orang yang ingin membuat sesuatu perubahan. Pada pendapat mereka, sesuatu yang baik itu hendaklah dikejar, walaupun dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang keterlaluan yang jelas menyeleweng dari ajaran Islam. Apabila pandangan mereka itu tidak diindahkan, lantas mereka menuduh bahawa pihak yang berkenaan lemah dan banyak bertolak ansur.

6. Kita golongan orang-orang yang berfikir hendaklah sedar bahawa jika kita mahu orang menerima sesuatu perkara yang baik yang kita utarakan, maka kita hendaklah memikirkan bagaimanakah strategi, cara dan pendekatan yang harus kita lakukan supaya perkara itu dapat diterima dengan baik. Jika sekiranya kita tidak menggunakan pendekatan yang baik, maka sudah pasti apa yang kita hendak perkenalkan kepada orang akan ditolak atau ditentang.

7. Laungan yang penuh bersemangat yang membelakangkan tatasusila dan prinsip-prinsip akhlak Islamiyah tidak akan membuahkan sesuatu yang baik. Sebaliknya usaha itu sendiri akan membawa kesan yang buruk dan membawa kepada tentangan yang hebat dan perpecahan. Tentangan ini biasanya meningkatkan lagi semangat sehingga ke peringkat keterlaluan. Kerana keterlaluan ini, mesej yang asal akan dilupakan dan permusuhan antara pihak yang terlibat akan berlaku. Dengan perkataan lain, perpecahan akan menggantikan perpaduan yang wujud dahulu. Jelaslah bahawa membelakangkan tatasusila dan prinsip-prinsip akhlak Islamiyah dalam usaha mengembangkan ajaran Islam tidak akan menghasilkan matlamat yang ditujui, tetapi sebaliknya menghalang perpaduan ummah.

8. Dengan hal yang demikian Islam amat menentang segala bentuk ekstremism, sama ada ia berbentuk percakapan, tindakan, pendekatan dan sebagainya. Ini adalah kerana ianya bukan sahaja mengancam keharmonian, keamanan dan kedamaian sesebuah masyarakat, bahkan juga akan mengancam keselamatan negara. Penentangan Islam terhadap sikap ini bukan sahaja tertakluk kepada satu bangsa ataupun agama, bahkan juga kepada semua bangsa dan agama.

9. Dengan sebab itu Islam menganjurkan kepada kita supaya mengamalkan prinsip kesederhanaan dan bertindak dengan cara hikmah, sama ada dari segi pendekatan, strategi, cara dan sebagainya. Ini tepat dengan apa yang telah difirmankan oleh Allah di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 143 yang bermaksud: "Kami jadikan kamu wahai umat Muhammad satu umat pilihan lagi adil, iaitu suatu umat pertengahan (yang sederhana) supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia".

10. Maksud ayat tadi amat jelas kepada kita bahawa kesederhanaan adalah merupakan suatu prinsip yang dituntut di dalam Islam. Ini adalah kerana dari sikap dan tindakan yang sederhana lah akan lahir keadilan. Dari keadilan inilah akan lahir sebuah masyarakat yang harmoni dan aman damai. Bentuk dan sikap kesederhanaan inilah menjadi kayu pengukur, sama ada kita layak ataupun tidak, untuk menjadi orang yang boleh memberi keterangan dan keadilan kepada orang lain.

11. Prinsip yang telah dianjurkan ini meletakkan Islam sebagai satu agama yang sesuai di setiap tempat, masa dan zaman. Islam menentang ekstremism dan pelampau dan Islam menganjurkan kepada umatnya supaya mengamalkan sifat kesederhanaan dan mengambilkira suasana, keadaan masyarakat, serta 'uruf masyarakat setempat, dalam apa saja tindakan yang akan kita laksanakan atau satu-satu mesej yang hendak kita perkenalkan. Setengah orang menganggap bahawa suasana dan 'uruf masyarakat itu bukan merupakan kriteria yang penting untuk diambil kira di dalam melaksanakan suatu prinsip atau menggubal sesuatu dasar hukum. Sejarah telah membuktikan bahawa Khalifah Saidina Umar telah mengambil 'uruf masyarakat sebagai panduan dalam menentukan sesuatu dasar negara di zaman pemerintahannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Prinsip 'uruf masyarakat, prinsip menjaga kemuslihatan umum dan lain-lain lagi prinsip yang seumpamanya adalah merupakan sumber hukum yang diiktiraf oleh Islam. Prinsip-prinsip tersebut telah disusun dengan begitu teliti oleh ulamak-ulamak yang muktabar untuk dijadikan panduan kepada kita dalam mengatur strategi tindakan dan pelaksanaan sesuatu rancangan, supaya tindakan-tindakan yang kita akan buat itu tidak lari dari landasan yang dituntut oleh Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sebenarnya asas semua ilmu di dunia moden ini diterokai oleh ulamak-ulamak Islam. Sebelum datangnya Islam, orang Barat menggunakan sistem angka Roman yang sukar digunakan dalam ilmu hisab. Tetapi orang Islam mencipta sifir (cypher) kiraan nought atau kosong sampai ke kiraan sembilan yang boleh disusun sehingga keangka yang infinit iaitu yang tidak ada penghujung. Dari sistem angka ini telah terbit ilmu seperti al-gebra, logarithm (Al-logarizmi dari nama penciptanya yang lahir di Khawarizmi) yang mana sistem ini membolehkan ahli hisab dan sains moden membuat perkiraan untuk perjalanan ke angkasa lepas.

14. Di antara ulamak yang terkenal dalam bidang hisab ialah Al-Khawarizmi, Ulugh Beg, dan Al-Bukhari (penyusun kitab Sunnah Nabi). Ulamak dahulu arif bukan sahaja dalam bidang ibadah dan hukum tetapi juga dalam bidang sains dan hisab. Dengan itu maka umat Islam di zaman mereka kuat dan terkenal. Di zaman mereka juga, Islam berjaya berkembang ke Asia Tengah termasuk bahagian-bahagian Selatan Rusia, Asia

Minor (Turki) dan Eropah Timur. Tetapi apabila ulamak Islam kemudiannya menghadkan tuntutan ilmu hanya kepada ritual dan hukum, maka bermulalah kemunduran tamadun Islam. Sedikit demi sedikit, ilmu-ilmu yang diterokai oleh orang Islam mengalir ke Barat di mana penyelidikan dilanjutkan.

15. Sementara itu dalam dunia Islam rebutan kuasa berlaku yang menyebabkan negara-negara Islam berpecah menjadi negara-negara yang kecil dan lemah. Namun demikian rebutan kuasa dan ajaran yang kolot tidak dihentikan. Negeri-negeri Islam yang kecil ini jatuh ke tangan musuh Islam, satu demi satu. Tokoh-tokoh di kalangan orang Islam yang bercita-cita untuk merebut pemerintahan negeri-negeri Islam yang kecil ini, sanggup bekerjasama dengan musuh-musuh Islam untuk menggulingkan pemerintah-pemerintah Islam. Dengan itu semakin lemahlah umat Islam. Akhirnya, ramai orang Islam kecewa dengan pencapaian Islam sehingga mereka sanggup menolak agama Islam. Inilah yang kita lihat di Selatan Rusia dan di beberapa buah negara Arab.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Satu perkara yang muncul sekarang ialah tuduhan percubaan orang-orang Kristian mengkristiankan orang Islam di Malaysia. Dalam negara berbilang kaum dan berbilang agama ini, selisih faham antara penganut-penganut agama yang berlainan amatlah merbahaya. Kita lihat bagaimana Lubnan hancur kerana permusuhan antara Kristian dan Islam, di Ireland Utara kerana permusuhan di antara Katholik dan Protestant, di Punjab India antara orang Sikh dan Hindu, di India antara orang Hindu dan Islam, di Iran dan Iraq antara Shiah dan Sunni dan lain-lain lagi. Oleh kerana bahayanya perselisihan antara penganut agama yang berlainan, kita harus berhati-hati apabila membuat kenyataan berkenaan dengan perkara yang mungkin membawa kepada rusuhan antara penganut-penganut berbagai agama di Malaysia.

17. Berhubung dengan dakwaan orang Kristian mengkristiankan orang Melayu, bukti yang jelas tidak ada, selain daripada orang Kristian yang memeluk agama Islam kerana berkahwin, atau lain-lain sebab, yang kemudiannya balik ke agama Kristian kerana kecewa dengan sesuatu. Sudah tentu tidak ada langsung bukti yang 66,000 orang Melayu menjadi Kristian atau penganut agama lain atau atheist. Kita juga tidak ada bukti yang 2000 orang Islam menjadi Kristian.

18. Saya berharap dakwaan yang tidak bertanggungjawab ini tidak dibuat lagi. Kita tidak mahu rusuhan di negara ini antara penganut agama-agama, sedangkan perpaduan antara umat Islam sendiri tidak begitu teguh. Kita sudah berpisah sesama kita dengan imam berasingan, masjid dan kubur berasingan, mengerjakan haji berasingan dan sekarang percubaan mendirikan kampung untuk memisahkan antara Islam dengan Islam. Jika perselisihan dengan agama lain pula berlaku, maka negara kita tidak akan aman lagi.

19. Sekarang ini timbul pula soal murtad bagi menggantikan

soal kafir-mengkafir. Untuk membantu hujah bahawa ramai orang Islam sudah murtad dan murtad berlaku di mana-mana sahaja, sepotong ayat Al-Quran diasingkan dan ditafsir tanpa mengambil kira ajaran Al-Quran seluruhnya. Yang selalu diketepikan ialah pentingnya hikmah dalam menurut perintah Allah Subhanahu Wataala. Dalam hal ini terdapat sebuah buku yang menggariskan sepuluh kategori yang boleh menjadikan seseorang itu murtad, tetapi buku tersebut tidak mengambilkira kedudukan dan keadaan alam sekelilingnya. Orang Islam minority dalam sebuah negara bukan Islam dihukum murtad kerana terpaksa memilih orang bukan Islam sebagai pemimpin. Sudah ada yang menyoyal sama ada orang Islam boleh tinggal sebilik dengan bukan Islam, atau duduk dan makan bersama dengan bukan Islam.

20. Jika sepuluh kategori ini dianggap murtad, maka benarlah ramai orang Islam murtad, terutama di negara berbilang kaum seperti Malaysia. Dengan keraguan mengenai ke-Islaman sebegitu ramai orang Islam, maka semakin sukarlah perpaduan di kalangan umat Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

21. Akhirnya, marilah sama-sama kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga memberi taufik dan hidayah kepada kita, dalam usaha untuk memupuk perpaduan ummah supaya kita dapat merancang dan melaksanakan tugas-tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita, demi untuk mencapai sebuah masyarakat yang adil dan harmoni yang diredhai oleh Allah.

22. Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz 'Bismillahir rahmanir rahim', saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Perpaduan Ummah ini. Wabillahitaufik walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.